

**OIC Adakan Mesyuarat Untuk Gerakkan Sokongan Kepada Rohingya
Bernama
30 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) akan menganjurkan beberapa mesyuarat untuk menggerakkan sokongan dan mengambil langkah praktikal untuk membantu masyarakat Rohingya beragama Islam di Myanmar, terutamanya yang menjadi sasaran kempen sistematik penghapusan etnik sejak lebih dua bulan lepas.

OIC merancang mengadakan mesyuarat berkenaan di peringkat negara-negara Islam dan antarabangsa di beberapa ibu negara negara Islam, menurut kenyataan OIC yang memetik sumber.

Jumaat lepas, OIC mengadakan mesyuarat dengan wakil dari 57 negara anggotanya di Geneva untuk menggariskan mekanisme bagi tindakan antarabangsa untuk mencari penyelesaian terhadap krisis yang dihadapi masyarakat Rohingya.

Mesyuarat di Geneva itu turut membincangkan masalah yang dihadapi untuk menghantar delegasi pencarian fakta ke Myanmar. Ia juga menegaskan pentingnya untuk membenarkan duta-duta negara anggota OIC memasuki Myanmar untuk menilai keadaan penganut Islam itu di negara tersebut.

Masyarakat Rohingya pada asasnya adalah beragama Islam yang menetap di wilayah Arakan. Setakat 2012, 800,000 masyarakat Rohingya tinggal di Myanmar dan menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), mereka merupakan kaum minoriti yang paling ditindas di dunia.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684228>

